

## Remaja hidap cerebral palsy perlu kerusi roda berbateri

**Shah Alam:** Seorang pemandu teksi mengharapkan bantuan orang ramai untuk membeli kerusi roda berkuasa bateri bagi kegunaan anak sulungnya yang menghidap cerebral palsy.

Razali Shahran, 49, berkata ia berikutan dia berhasrat mengantar anak perempuannya itu, Nuraina Syafiqah, 19, ke pusat latih diri, Pusat Sinar Harapan, Cheras bagi membantu remaja itu berdikari.

### Kerusi lama terlalu uzur

"Saya mahu Aina pandai menguruskan diri dan belajar berdikari. Kerusi roda yang lama terlalu uzur.

"Dalam tempoh tiga bulan sebelum Aina ke pusat berkenaan, saya mahu dia belajar membiasakan diri menggunakan kerusi roda berkenaan yang dianggarkan berharga lebih RM9,000.

### Harap bantuan orang ramai

"Aina kini belajar di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seksyen 19 dan masih menggunakan kerusi roda sedia ada, tetapi memerlukan bantuan orang lain untuk menggerakkannya," katanya ketika dijumpai di rumahnya di Seksyen 19, di sini.

Razali berkata, keluarganya menerima bantuan daripada Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Jabatan Kemajuan Masyarakat (JKM) dalam menguruskan Nuraina Syafiqah dan kini mengharapkan bantuan orang ramai yang prihatin dengan masalah yang dihadapinya.

Sementara itu, ibu Aina, Siti Aishah berkata, anaknya sudah menunjukkan banyak perubahan selepas enam kali pembedahan mengeluarkan darah beku di kepala serta membetulkan saraf di Pusat Rawatan Alternatif di Damansara.

Katanya, Aina kini semakin pulih selepas pembedahan dan mendapatkan rawatan terapi.

04 Oct 2016

Berita Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 25 • Printed Size: 192.00cm<sup>2</sup>  
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 6,618.41  
PR value: MYR 19,855.23 • Item ID: MY0027190053



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2



04 Oct 2016

Berita Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Letters • Page: 31 • Printed Size: 11.00cm<sup>2</sup>  
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 199.69  
PR value: MYR 599.07 • Item ID: MY0027190161

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT  
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.  
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektaohongor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

**Minta Majlis Perbandaran  
Kajang (MPKJ) ambil  
tindakan penyelesaian  
jangka panjang  
berhubung isu tapak  
sampah haram  
di Seksyen 16, Bandar  
Damai Perdana, Cheras.  
- [YOPKIDAI:BHA03431]**



# SPAN perlu siasat pencemaran Sungai Semenyih

Sungai Semenyih adalah sumber bekalan air utama kepada penduduk di kawasan Lembah Klang terutama di kawasan Hulu Langat. Pencemaran Sungai Semenyih makin menjadi-jadi sejak tiga hingga empat tahun lalu. Isu pencemaran Sungai Semenyih baru-baru ini, membangkitkan kemarahan ramai penduduk tempatan kerana loji rawatan air Sungai Semenyih terpaksa ditutup akibat pencemaran ammonia daripada pihak tidak bertanggungjawab.

Antara kawasan mengalami gangguan bekalan air ialah Deraht Hulu Langat, Kuala Langat, Petaling dan Sepang. Akibat gangguan bekalan air di kawasan ini, pengguna terpaksa menggunakan air yang dibawa oleh lori Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS). Namun, hanya 20 lori yang dapat membekalkan air kepada pengguna di empat kawasan itu.

## \* Pencemaran tidak terkawal

Berdasarkan hasil siasatan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS), punca pencemaran dari Sungai Lalang yang berhampiran kawasan perindustrian Hi-Tech Semenyih. Pencemaran sebegini sudah banyak kali berlaku sebelum ini khususnya yang paling teruk pada 2006, 2007, 2008, 2009, 2010, 2012, 2013, dan 2015. Pertambahan jumlah kilang di kawasan sepanjang sungai itu menyebab-

kan pencemaran tidak terkawal.

Kejadian itu berakhir dengan janji dan komitmen daripada pihak berkuasa bahawa mereka akan mengambil tindakan tegas terhadap pencemaran dan akan membangunkan pelan menyeluruh bagi menangani krisis air. Namun, isu pencemaran sungai ini masih timbul setiap tahun dan akhirnya pengguna menjadi mangsa.

Isu utama yang perlu difokuskan ialah isu pencemaran air mentah yang berterusan, bukannya masalah penduduk kekurangan bekalan air.

Pihak berkuasa seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan operator air seperti SYABAS perlu sentiasa memastikan bekalan air mencukupi dan sentiasa mempunyai perancangan apabila tiap kali berlakunya pencemaran di Sungai Semenyih.

Pihak penguat kuasa seperti JAS perlu melakukan pemantauan secara berterusan dan ketat terhadap kilang-kilang yang dibina berhampiran sungai ini.

Namun begitu, pihak berkuasa masih gagal mengawal pencemaran ini. Persatuan Pengguna Air dan Tenaga Malaysia (WECAM) sudah serik dengan pencemaran Sungai Semenyih ini. Diharapkan pihak kementerian seperti Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) dan Menteri Besar Selangor mengambil berat terhadap isu air.

Sekiranya badan yang bertang-

gungjawab gagal memantau pencemar ini sepenuhnya, pihak atasan perlu mengambil tindakan sewajarnya.

## Tingkat pemantauan, pencegahan

Walaupun ada pelbagai peraturan dan undang-undang mencegah kotoran dan sisa pengilangan atau ternakan dibuang ke sungai, kegiatan yang tidak bertanggungjawab ini tetap berterusan. Pemantauan dan pencegahan oleh pihak berkuasa perlu ditingkatkan. Lazimnya, apabila pencemaran didekah oleh media, barulah mereka bertindak.

Bahkan, kadangkala pesalah hanya dikenakan kompaun yang tidak seberapa sehingga tidak wujud perasaan takut menghadapi tindakan. Walaupun ada peruntukan undang-undang yang membolehkan kilang yang membuang sisa dan sisa toksik secara berterusan ditutup, apakah tindakan drastik demikian ini pernah diambil?

Kami menuntut penyiasatan dijalankan oleh SPAN untuk isu air yang berterusan di Sungai Semenyih. WECAM dan pihak berkepentingan lain mesti turut serta dalam panel siasatan. Hasil penyiasatan ini mesti boleh diakses kepada semua pihak yang berkepentingan.

 **Nurul Naim Razali,**  
Persatuan Pengguna Air dan  
Tenaga Malaysia (WECAM)

04 Oct 2016

Berita Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Letters • Page: 30 • Printed Size: 419.00cm<sup>2</sup>  
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 14,443.29  
PR value: MYR 43,329.87 • Item ID: MY0027190218

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT  
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.  
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: setakohongor@gmail.com



**isentia.mediaportal**

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2

**Fakta nombor**

<b>20</b> LORI	<b>4</b> DAERAH
SYABAS bekal air kepada penduduk	di Selangor alami gangguan air

[FOTO MUHAMMAD ASYRAF SAWAL/BH]



**Penduduk mengambil air yang dibekal SYABAS ketika gangguan air melanda.**

## Perlu persetujuan peringkat nasional

**SHAH ALAM** – “Saya mengalui-alukan kerjasama yang lebih baik daripada Pas dan Bersatu terutama pada peringkat nasional”

Pandangan tersebut disuarakan oleh Adun Bukit Lanjan, Elizabeth Wong berhubung kenyataan Pengarah Pilihan Raya Pas, Datuk Mustafa Ali tentang kesediaan Pas berbincang dengan PKR dan Bersatu bagi membentuk gabungan untuk tumbangkan BN dalam PRU akan datang.

Menurutnya lagi, gabungan parti pembangkang memerlukan asas pakatan peringkat nasional yang jelas dalam strategi mewujudkan situasi pertandingan satu lawan satu dalam PRU akan datang.

“Kami (parti pembangkang) perlu mempunyai beberapa asas pakatan untuk melancarkan satu entiti yang bergabung untuk menentang BN.



“Kita tidak’ perlu ber-setuju dalam semua perkara selagi terdapat pemahaman untuk tidak mewujudkan situasi pertandingan pelbagai penjuru yang terbukti hanya akan menguntungkan BN, seperti yang telah berlaku dalam pilihan raya kecil Sungai Besar dan Kuala Kangsar sebelum ini.” - Elizabeth

Ahli politik dari PKR itu juga membayangkan situasi masa yang semakin suntuk dan berharap persetujuan dapat dicapai oleh parti-parti pembangkang seterusnya pakatan gabungan ini dapat

**‘Kita tidak perlu bersetuju dalam semua perkara selagi terdapat pemahaman untuk tidak mewujudkan situasi pertandingan pelbagai penjuru yang terbukti hanya akan menguntungkan BN, seperti yang telah berlaku dalam pilihan raya kecil Sungai Besar dan Kuala Kangsar sebelum ini.’** - Elizabeth

direalisasikan.

“Saya percaya perbincangan sedang berlaku di antara pelbagai pihak untuk membuktamadkan ini.

“Bagaimanapun, situasi masa tidak menyebelahi kita, namun saya berharap perbincangan berjalan dengan pantas dan matang demi kepentingan rakyat.”

# Rumah kabin dibuka November ini

Beri peluang pengunjung nikmati suasana bermalam dalam hutan

■ NORAFIZA JAAFAR

**SELAYANG** - Kemudahan penginapan berkonsep kabin boleh dinikmati pengunjung dan peserta kem di Taman Rimba Bukit Lagong yang dijangka beroperasi November ini.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Suliman Abdul Rahman berkata, walaupun berlaku sedikit kelewatan, namun projek tersebut yang mula dijalankan April lalu dijadualkan siap penghujung September ini.

Menurutnya, dengan peruntukan RM900,000 kemudahan itu disediakan sebagai memenuhi permintaan melibatkan dua dorm dan satu bilik eksekutif.

"Dorm dibahagikan dua kawasan iaitu lelaki dan perempuan yang boleh memuatkan 48 orang, sementara bilik eksekutif pula boleh memuatkan 20 orang."

"Ia adalah pilihan buat pengunjung untuk bermalam di bahagian perkhemahan disediakan atau di bilik lebih selesa disertakan sistem pendingin hawa dan katil," katanya.

Beliau berkata, MPS akan mendapatkan maklum balas daripada pengguna terlebih dahulu, sebelum meneruskan fasa berikutnya bagi mengelakkan pembaziran.

"Kita tak mahu projek ini disenaraikan sebagai gajah putih atau-

pun syok sendiri, sebaliknya projek ini adalah salah satu perbelanjaan yang dibuat bagi memberikan kemudahan kepada umum tanpa meletakkan keuntungan sebagai tujuan utamanya.

"Harganya belum kita putuskan tapi dijamin adalah mampu milik dan tidak membebankan, asalkan ia boleh digunakan kepada pengurusan dan penyelenggaraan," katanya.

Suliman berkata, kawasan tersebut dikenali sebagai Pusat Belia Bukit Lagong yang menyediakan kemudahan kem motivasi dan perkhemahan terbiasa hampir tiga tahun, sebelum MPS mengambil alih.

"Banyak kerosakan kita baiki, sebelum projek chalet ini disediakan seperti bangunan surau, tandas, kantin, trek pejalan kaki dan jambatan.

"Naik taraf dan cadangan lain akan dilakukan secara berperingkat supaya hasrat menjadikan Selayang sebagai pusat tumpuan sukan ekstrem direalisasikan. Sebelum ini sudah disediakan trek berbasikal BMX, Taman Ekstrem Gua Damai dan penganjuran sukan jet ski," katanya.

Beliau berkata, pihaknya akan meningkatkan sistem keselamatan di Taman Rimba Bukit Lagong melalui penambahan anggota penguat kuasa dalam memastikan aktiviti atau program yang dijalankan dipantau.



Suliman menunjukkan tanda bagus selepas berpuas hati dengan progres projek yang diharapkan memberikan kemudahan kepada pengunjung di sana.

# Restoran rosak akibat tanah mendap

**AMPANG** – Sebuah restoran mengalami kerosakan setelah berlaku kejadian tanah mendap akibat kebocoran paip di bawah tanah restoran berkenaan di Taman Saga, semalam.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisioner Hamzah Alias berkata, pihaknya menerima laporan kejadian itu kira-kira jam 11.49 pagi.

“Pihak Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd hadir ke lokasi dan mengambil tindakan menutup bekalan air di seluruh Taman Saga bagi menghentikan mendapan tanah dan kerja-kerja baik pulih sedang dijalankan,” katanya.

Turut hadir di lokasi beberapa pegawai geologi Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan anggota bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat Ampang turut hadir bagi memantau kejadian tersebut.

Beliau berkata, kejadian tersebut tidak melibatkan kemalangan jiwa serta cederaan.

“Buat masa ini tindakan memindahkan penduduk berhampiran tidak diperlukan kerana terdapat jalan raya yang



Mohamad (kanan) bersama penduduk menunjukkan tanah mendap di lokasi kejadian.

menjadi benteng kepada ke diaman mereka,” katanya.

Ahli Majlis MPAJ, Mohamad Samat berkata, pihaknya memandang serius kejadian ini.

“Saya difahamkan, kejadian itu juga berkemungkinan akibat struktur gerai yang berat sehingga mengakibatkan tekanan dalam tanah, kemudian paip berkenaan pecah,” katanya.

Mohamad berkata, pihak-

nya mendapati sebanyak 12 gerai di kawasan itu.

“MPAJ kini tidak membenarkan dua pemilik premis di lokasi kejadian berniaga, mereka juga telah diberi notis supaya membuka struktur.

“Kesemua gerai berkenaan juga akan dipindahkan ke lokasi lain berhampiran sebuah pangaspuri di kawasan itu, kerja pemindahan gerai berkenaan akan dilaksanakan sebelum akhir tahun ini,” katanya.

Headline	Operasi pemadaman masuk hari kedua		
MediaTitle	Sinar Harian	Color	Full Color
Date	04 Oct 2016	Circulation	279,000
Section	Nasional	Readership	837,000
Page No	36	ArticleSize	300 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 5,117
Journalist	N/A	PR Value	RM 15,352
Frequency	Daily		



# Operasi pemadaman masuk hari kedua

**BATU CAVES** - Operasi pemadaman kebakaran di sebuah tapak pembuangan sampah haram di Taman Raintree memasuki hari kedua semalam.

Kejadian berlaku jam 5 petang kelmarin dipercayai berpunca daripada pihak tidak bertanggungjawab membuat pembakaran terbuka sebelum merebak.

Komandan Operasi dari Balai Bomba Selayang, Kasirin Ibrahim berkata, seramai lapan anggota bertugas pada hari kedua.

Menurutnya, api telah berjaya dipadamkan namun kawasan masih berasap datangnya dari longgokan sampah di kawasan gaung itu.

"Satu jengkaut telah digunakan bagi kerja penyuriaian sampah dan semburan air terus dilakukan bagi memastikan api dipadamkan sepenuhnya.

"Sehingga jam 2 petang lebih empat tangki air digunakan di lokasi dengan keluasan dianggarkan 70x80 meter persegi itu," katanya kepada Sinar Harian, semalam.

Katanya, keadaan di lokasi terkawal dan dijangka selesai sepenuhnya pada hari kedua bergantung

kepada faktor angin dan kerja penyuriaian.

"Satu laluan akan dibuat untuk memudahkan kerja pemadaman dibuat di bahagian bawah. Keadaan juga tidak membahayakan dan lokasinya jauh daripada kawasan perumahan penduduk."

"Kejadian adalah kali pertama berlaku bagi kawasan tersebut, tindakan penguatkuasaan selanjutnya diserahkan kepada pihak berwajib," katanya.

Sementara itu, Ahli Majlis MPS,

Lim Ching How berkata, kawasan itu adalah di bawah seliaan Perbadanan Aset Keretapi yang disewakan untuk kegunaan lain tapi disalahgunakan untuk aktiviti pembuangan sampah.

"Perkara ini berlaku lebih empat tahun dan beberapa langkah telah diambil termasuk penguatkuasaan kepada lori sampah.

"Permasalahan ini akan dibawa dalam mesyuarat MPS dan meminta supaya sewaan itu di tarik balik selepas penyewa didapati gagal menggunakan kawasan itu mengikut pelan asal untuk aktiviti sukan," katanya.



Anggota bomba menghalakan hos pada kawasan berasap. Gambar kecil: Kasirin

## VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Jabatan Bomba Dan Penyelamat (Jabatan Bomba Dan Penyelamat)	2	0	RM 0

## GIST(ENGLISH)

N/A

## Promosi menarik ulang tahun Shah Alam

**SHAH ALAM** - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) akan menganjurkan pelbagai aktiviti dan promosi menarik sepanjang Oktober sempena Ulang Tahun Bandar Raya Shah Alam Ke-16.

Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad berkata, aktiviti tersebut akan diadakan bermula 8 hingga 29 Oktober.

"Pada 8 dan 9 Oktober, kami adakan Program Hari Belia dan Karnival Bandar Selamat Shah Alam bertempat di Stadium Shah Alam.

"Terdapat juga program Industrial Exciting Hunt 2016, Pelancaran Pengasingan Sisa Sampah Di Rumah dan

Edaran Tong Sampah Fasa 2 serta Mizuno Shah Alam Wave Run 2016 di lokasi berbeza," katanya.

Menurutnya, pada 10 Oktober, MBSA akan menyampaikan cenderahati kepada bayi yang lahir pada hari tersebut di Hospital Shah Alam.

"Hari seterusnya turut diadakan bacaan Yasin, tahlil dan doa selamat, hari bertemu pelanggan, pertandingan memancing dan banyak lagi," katanya.

Selain itu, MBSA turut menawarkan pelbagai promosi perkhidmatan percuma termasuk pengurangan kompaun sehingga 50 peratus.

# MPSJ terima delegasi dari Jepun



Delegasi dari bandar Hioki, Jepun yang menyertai program anak angkat di kawasan MPSJ selama tiga hari.

**PUCHONG** – “Seumur hidup saya tak pernah ke luar negara tapi disebabkan teringin nak tahu kehidupan harian masyarakat Malaysia, saya serta delegasi kali ini,” kata Yamashita Chizuko yang mengikuti Delegasi Hioki, Jepun ke Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ).

Keindahan dan kepelbagaiannya masyarakat di negara ini menyebabkan suri rumah berusia 69 tahun itu berminat mengikuti kelas budaya Malaysia di kawasan kejiranannya tempat tinggalnya.

Ibu kepada dua anak itu berkata,

dia teruja apabila diberi peluang menyertai delegasi dan tinggal di negara ini selama tiga hari bersama keluarga angkatnya.

Ketua Delegasi, Imamura Jin, 41, berkata, kumpulan itu adalah yang ke-16 mengikuti program selepas pihaknya menandatangani Memorandum Persefahaman dengan MPSJ.

“Kali ini kita bawa 12 peserta, rata-rata adalah mereka yang baru pertama kali berkunjung ke negara ini. Diharap dengan kunjungan mereka dapat mempelajari budaya, makanan dan lain-lain

berkaitan dengan rakyat negara ini,” katanya.

Sementara itu, Yang Dipertua MPSJ, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan berkata, pihaknya menerima delegasi dari Hioki setiap tahun sejak 2008.

MPSJ katanya, mengadakan lawatan balas setiap dua tahun bagi mengukuhkan hubungan strategik dari segi kerjasama dua bandar; memperkasa ilmu pengetahuan dan modal insan, pertukaran budaya, program alam sekitar dan inovasi.

## LZS bantu, rai 65 keluarga asnaf

**PUNCAK ALAM** – Kebajikan 65 keluarga asnaf di kawasan sekitar Puncak Alam terus diberi Lembaga Zakat Selangor (LZS) sebaik mungkin apabila mereka diraikan dalam satu majlis santai.

Program anjuran Majlis Permuafakatan Penduduk (MPP) Puncak Alam dengan kerjasama iCare Puncak Alam dan Jawatankuasa Surau Haji Ismail Fasa 3 itu turut dirasmikan Orang Besar Daerah Kuala Selangor, Datuk Mohamad Yaacob Ismail.

Pengerusi MPP Puncak Alam, Mohd Hanif Md Sultan berkata, 65 asnaf dipilih dalam satu majlis

sumbangan LZS supaya keperluan keluarga yang kurang berkemampuan dapat dibantu.

“Lebih menarik, kehadiran Datuk Mohamad Yaacob yang sudi bersama kami dan golongan asnaf untuk menjayakan program ini.

“Sebenarnya program sumbangan ini kita buat setiap tahun untuk pastikan golongan asnaf dan keluarga kurang bernasib baik di Puncak Alam ini dapat dibantu sebaik mungkin.

“Lagipun kita ada pasukan sukarelawan iCare yang banyak bantu berkorban masa dan tenaga untuk menjayakan program bersama jawatankuasa surau,” katanya.

Hanif berkata, MPP bersama iCare Puncak Alam sentiasa memantau kebajikan dan keperluan asnaf, anak kurang upaya (OKU) dan pesakit kritisik yang terlantar di rumah.

“Setakat ini lebih kurang 200 OKU dan pesakit kritisik yang berdaftar dengan iCare Puncak Alam dipantau supaya mereka dapat terima bantuan sepatutnya.

“Alhamdulillah setakat ini bantuan LZS, pihak masjid dan surau sekitar Puncak Alam pun ada bantu dan kami akan pastikan senarai nama tak tercicir untuk terima sumbangan,” katanya.



Hanif (duduk, empat kiri) bersama sebahagian ahli iCare dan Jawatankuasa Surau Haji Ismail merakam kenangan bersama sempena program itu.

## Petaling Jaya terus diiktiraf bagi tahun kedua

**PETALING JAYA** - Petaling Jaya mencatatkan sejarah baharu apabila dinobatkan sebagai pemenang kebangsaan dalam kumpulan WWF - Earth Hour City Challenge (EHCC) bagi tahun kedua berturut-turut.

Pengiktirafan yang diberi ini merupakan hasil usaha sama pihak Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan pihak berkepentingan yang telah menjalankan tanggungjawab cemerlang dalam memperkuatkannya struktur perkhidmatan awam dan pelaksanaan pelan pengurusan karbon rendah di bandar ini.

Pegawai Perhubungan Awam (MBPJ), Zainun Zakaria berkata, pihak majlis sentiasa menyokong usaha yang dilakukan oleh pihak WWF-Malaysia dalam men-

jalankan kampen kesedaran kepada masyarakat mengenai kesan-kesan buruk perubahan iklim yang menjelaskan ekosistem bumi ini.

"Adalah menjadi tanggungjawab majlis untuk meningkatkan lagi usaha kampen penggunaan karbon rendah bagi mewujudkan persekitaran bandar raya mampan, hijau dan mesra.

"Pihak majlis telah melaksanakan pelbagai program mampan yang merupakan sebahagian daripada Pelan Induk Sustainable PJ 2030," katanya.

Zainun berkata, antara programnya adalah memperkenalkan Skim Rebate Cukai Taksiran Bagi Pemilik Rumah Kediaman Mesra Alam Hijau Berkarbon Rendah Petaling Jaya.

"Ganjaran ini diberikan kepada penduduk yang mengamalkan aktiviti mampan yang terdiri daripada aspek tenaga, air, kepelbagaian biologi, pengurusan sisa buangan, pengangkutan dan inisiatif yang dilihat sebagai mesra hijau," katanya.

Turut hadir; Datuk Bandar Petaling Jaya, Mohd Azizi Mohd Zain; Ketua Pemasaran dan Pendidikan WWF Malaysia, Thiagarajan Nadesondan dan Pengarah Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam MBPJ, Lee Lih Shyan.

Selain itu katanya, majlis juga menyediakan perkhidmatan bas percuma sebagai langkah mengurangkan kesesakan jalan raya dan pengeluaran karbon dioksida.



Mohd Azizi (tengah) bersama anugerah yang disampaikan oleh Thiagarajan (kanan) pada satu majlis di Petaling Jaya, kelmarin.

**P**asukan sekolah manakah bakal melahirkan pemain bola sepak Selangor masa akan datang? Adakah pasukan daripada juara bertahan Piala Raja Muda atau sebaliknya, sama-sama kita nantikan. Sebanyak 32 pasukan bola sepak sekolah akan berentap dalam kejohanan Piala Raja Muda edisi ke-29 yang bermula 5 Oktober ini.

Kumpulan menyertai kejohanan ini terdiri daripada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Petaling Perdana dan PPD Petaling Utama. Sekolah Kebangsaan (SK) Seksyen 18 tuan rumah bagi Piala Raja Muda kali ini.

Pengerusi Pengelola Kejohanan, Datuk Emran Kadhir berkata, kejohanan itu merupakan platform bagi menggilap bakat muda sejak di bangku sekolah untuk melayakkkan mereka ke peringkat lebih tinggi dalam sukan bola sepak.

Pasukan menjuarai Piala Raja Muda akan memperoleh piala pusingan dan wang tunai berjumlah RM4,000, tempat kedua RM3,000, tempat ketiga RM2,000 manakala tempat keempat akan membawa pulang RM1,000.

Kejohanan tersebut menggunakan format liga lapan kumpulan. Sebanyak 32 kumpulan dibahagikan kepada lapan kumpulan untuk pusingan awal sebelum kejohanan ke pusingan suku akhir.

Sehubungan itu, majlis cabutan undi diadakan di Dewan Tengku Dr Muhammad Faiz Petra, Kompleks Kumpulan Media Karangkraf (Karangkraf) di Shah Alam pada 25 September lalu menentukan kumpulan setiap pasukan.

Seramai 38 guru termasuk ahli jawatankuasa (AJK) pengelola terbabit dalam proses cabutan ini berkenaan.

#### Bak pihak lain rebut pemain berbakat

Emran berkata, pemain berbakat dan berkualiti akan dipilih untuk ditempatkan di sekolah sukan.

"Pemain yang terpilih akan diletakkan di dalam sekolah sukan. mereka akan dijaga dengan rapi demi mengelakkan pihak lain mengintai dan ingin mengambil peluang untuk mengambil permain yang telah diberi latihan secukupnya," katanya.

Menurutnya, hanya Selangor yang mengadakan kejohanan seperti itu kerana ingin mendapatkan pemain terbaik bagi mewakili pasukan negeri Selangor.

"Perlawanan pembukaan atau sumbangsah akan bermula 4 Oktober. Selain itu, pusingan peringkat kumpulan akan dilaksanakan secara dua pusingan."

# Bahang 32 pasukan bermula

## Berentap rebut Piala Raja Muda



Emran (duduk, tengah) bersama AJK pengelola dan pengurus pasukan yang bakal berentap pada Kejohanan Piala Raja Muda, esok.

katanya ketika ditemui pada majlis taklimat dan sesi pengundian pasukan yang berlangsung di Karangkraf.

Perlawanan akhir pula akan diadakan pada 22 Oktober setelah melalui peringkat suku akhir dan separuh akhir.

Lapan pasukan layak ke pusingan suku akhir akan mendapat hadiah jersi bola sepak yang disumbangkan Kumpulan Perangsang selaku penaja utama Piala Raja Muda.

#### SK Seksyen 20 juara enam kali

Jurulatih pasukan SK Seksyen 20, Noor Azman Hashim berkata, pihak sekolah dan barisan jurulatih

meletakkan harapan tinggi untuk pasukan sekolah yang telah menjadi juara bertahan sebanyak enam kali.

"Pasukan sekolah telah membuat persiapan dari awal tahun lagi, tetapi ada sedikit masalah di pertengahan kerana pemain perlukan fokus untuk menghadapi peperiksaan UPSR. Jadi, latihan perlu ditangguhkan untuk sementara waktu."

"Pasukan dipilih dari aspek seminar, disiplin dan cara permainan ditonjolkan. Pemilihan pemain terdiri daripada murid tahun 4, 5 dan 6," katanya.

Menurutnya, rata-rata pemain sekolah ini banyak bermain dengan kelab luar di bawah pengawasan guru.

"Kekangan masa menyebabkan guru



Piala Raja Muda yang menjadi rebutan 32 pasukan.



Pengurus pasukan SK Petaling Jaya, Aidil Syamer Mohd Shaufi menunjukkan cabutan undi yang dibuat di Karangkraf.

terpaksa menghantar mereka bermain dengan kelab di luar," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Kejohanan SK Seksyen 18, Mohamad Fauzie Sulaiman berkata, persiapan awal dilakukan dari sudut padang permainan dan persediaan menghadapi kejohanan.

Padang SUB, Shah Alam telah dipilih untuk perlawanan sumbangsih.

Menurutnya lagi, pasukan sekolah itu juga telah membuat persiapan dalam menghadapi kejohanan ini sejak Ramadhan yang lalu.

"Pasukan ini juga turut menyertai perlawanan persahabatan dengan pasukan lain seperti pasukan dari SK Seksyen 24 dan SK Setia Alam.

"Jurulatih dan pihak sekolah mengharapkan pasukan bola sepak sekolah dapat bermain dengan baik serta mengharapkan pasukan kami boleh pergi ke peringkat juara," katanya.



Pasukan SK Seksyen 20 Juara menyandang johan enam kali Piala Raja Muda.



Pasukan SK Seksyen 18 (kuning) bersama pasukan SK Sungai Renggam (biru) ketika perlawanan persahabatan diadakan sebelum ini.

Headline	Penduduk Pulau Carey bimbang air pasang besar		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	04 Oct 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	31	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	513 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,139
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,417



**SULAIMAN MOHD. KARLI** (dua dari kiri) mendengar keluhan penduduk semasa lawatan tapak oleh wakil Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri di pesisir pantai Pulau Carey, Kuala Langat, Selangor, baru-baru ini. — UTUSAN/ ABDUL RAZAK IDRIS



JPS dirayu segera siapkan ban penahan ombak

# Penduduk Pulau Carey bimbang air pasang besar

Oleh **ABDUL RAZAK IDRIS**

kota@utusangroup.com.my

## ■ KUALA LANGAT 3 OKT.

**P**ENDUDUK Kampung Melayu Pulau Carey di sini berharap Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dapat menyiapkan segera ban penahan ombak bagi memastikan penempatan mereka tidak terjejas akibat fenomena air pasang besar yang dijangka melanda pertengahan Oktober ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) di situ, Said Idrus berkata, meskipun ban sedia ada mampu menghalang air memasuki kediaman mereka semasa fenomena itu baru-baru ini, namun penduduk tetap risau dengan nasib mereka pada masa depan.

Headline	Penduduk Pulau Carey bimbang air pasang besar		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	04 Oct 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	31	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	513 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,139
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,417

Menurutnya, ban yang mempunyai lebar dua meter dan tinggi tiga meter tersebut perlu dipanjang serta ditinggikan sedikit daripada ukuran asal.

“Buat masa ini, ban yang belum siap sepenuhnya memainkan peranan penting semasa air pasang besar dari 15 hingga 18 September lalu. Jika ban ini tidak dimulakan pembinaannya oleh JPS, sudah pasti kampung kami dilanda banjir besar.

“Buat masa sekarang, ban ini telah dibina sepanjang 50 meter dan kita berharap ukurannya boleh ditambah beberapa puluh meter lagi bagi menghalang air pasang besar yang dijangka sekali lagi pada pertengahan Oktober nanti,”

nanti,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita semasa lawatan tapak oleh Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri di sini.

Sementara itu, Ketua UMNO Bahagian Kuala Langat, Datuk Sulaiman Mohd. Karli berharap ICU dapat mempertimbangkan permintaan penduduk.

“Kita sendiri lihat ada beberapa kawasan di Kuala Selangor dan Kapar dilanda limpahan air hingga menyebabkan penduduk terpaksa dipindahkan ke kawasan penempatan sementara,” ujarnya.



**Buat masa sekarang, ban ini telah dibina sepanjang 50 meter dan kita berharap ukurannya boleh ditambah beberapa puluh meter lagi bagi menghalang air pasang besar yang dijangka sekali lagi pada pertengahan Oktober nanti,”**

**SAID IDRUS  
JKKK Kampung Melayu  
Pulau Carey**

## VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Department of Irrigation and Drainage Malaysia (Department of	1	0	RM 0
Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor (JPS) (Jabatan	4	0	RM 0
UMNO (UMNO)	1	0	RM 0

## GIST(ENGLISH)

N/A

# 80 peratus kontraktor gagal patuhi SOP

Oleh MOHD. NORAZIZI SAMSUDAIN  
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 3 OKT.

KIRA-KIRA 80 peratus kontraktor pembinaan jalan raya di negara ini tidak mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan sekali gus menyebabkan kualiti turapan di kebanyakan kawasan tidak bertahan lama.

Pengasas Ikatan Silaturahim Brotherhood (Brotherhood), **Azlan Sani Zawawi** mendakwa, pemerhatian yang dilakukan di sembilan negeri seperti Selangor, Negeri Sembilan, Perak, Pahang, Kelantan, Johor, Pulau Pinang, Kedah dan di ibu kota sejak 2007 tidak menunjukkan perubahan positif.

Beliau yang terlibat dalam pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang mengetengahkan isu keselamatan jalan raya juga memberitahu, terdapat segelintir kontraktor hanya menampal turapan lama tanpa mengorek bahagian bawah menyebabkan strukturnya mudah merekah dan mengundang risiko kerosakan dalam masa singkat.

"Keadaan ini akan menyebabkan turapan menjadi lebih tipis dan pihak kontraktor perlu menampalnya untuk tiga kali dalam sehari dan pastinya melibatkan



NADZIM JOHAN



LEE LAM THYE

kos berlipat kali ganda.

"Sudah ramai rakyat negara ini terlibat dalam pelbagai kemalangan jalan raya disebabkan tampan yang menghasilkan rekanan atau bonggol," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* menerusi aplikasi WhatsApp di sini hari ini.

Dalam pada itu, Azlan Sani berkata, aduan orang ramai kepada pihak berkuasa dapat membantu mengurangkan ketirisan, memperbaiki tatacara dan kualiti turapan, mengelakkan pelbagai polisi yang salah dan memastikan kerjasama yang lebih baik dalam kalangan pihak berkepentingan.

Sementara itu, Ketua Aktivis Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), **Datuk Nadzim Johan** berkata, kewujudan lori lebih muatan di atas jalan raya juga menjadi penyumbang peningkatan kerosakan jalan di beberapa

kawasan negara ini.

"Justeru itu, pemantauan aktiviti kenderaan muatan berat oleh pihak berkuasa perlu dipertingkatkan bagi memastikan kewujudan lori yang semakin meningkat pada hari ini menepati piawaian dan tidak merosakkan keadaan jalan raya," katanya.

Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), **Tan Sri Lee Lam Thye** pula berkata, masalah kualiti kerja serta bahan yang digunakan menjadi punca utama kerosakan jalan raya tidak dapat diselesaikan sehingga hari ini.

"Bahan murah yang digunakan serta tidak tahan lasak bagi mengurangkan kos, ditambah pula dengan hasil kerja yang tidak mengikut piawaian juga antara punca utama jalan raya kembali mengalami kerosakan.

"Sampai bila-bila pun isu ini tidak akan berkesudahan selagi kontraktor dan pihak bertanggungjawab yang memantau pelaksanaan projek mengabaikan kualiti bahan yang digunakan dan tatacara kerja dalam proses penurapan jalan raya," katanya.

**Kuala Lumpur:** Masalah gangguan bekalan air di beberapa daerah di Selangor yang berlarutan sejak penghujung September lalu akan dipulihkan secara berperingkat dalam tempoh masa terdekat.

Selaras bekalan air di daerah Kuala Langat dan Sepang semakin pulih kelmarin, pemulihan seterusnya pula berlaku secara menyeluruh di daerah Petaling, semalam.

Ketua Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan Air Selangor Amin Lin Abdullah berkata, pihaknya sentiasa berusaha untuk mempercepatkan proses pemulihan namun masih belum dapat menganggarkan tempoh masa pemulihan secara keseluruhan kawasan.

"Sejak pagi tadi (semalam), bekalan air di sebuah lagi kawasan terjejas iaitu daerah Petaling kembali pulih sepenuhnya.

"Sementara itu, beberapa kawasan di daerah Hulu Langat yang berada di kawasan tinggi dan hujung sistem agihan bekak-

## Pulih secara berperingkat: Syabas



LORI air Majlis Perbandaran Kajang (MPK) jadi tumpuan penduduk Bandar Sunway Semenyih untuk mengambil air.

lan air masih dalam proses pemulihan," katanya kepada Harian Metro, semalam.

Katanya, kawasan Hulu Langat itu termasuk Rumah Pangsa Baiduri, Bandar Tasik Kesuma dan

Bandar Sunway Semenyih.

Amin berkata, bagi mempercepatkan kolam takungan air di kawasan itu mencapai dan mengekalkan paras optimum, pengguna di kawasan persekitaran itu dinasihatkan untuk menggunakan bekalan air secara berhemat.

"Sementara proses pemulihan, bantuan bekalan air akan terus dihantar dengan perkhidmatan lori tangki ke kawasan yang terjejas di daerah Hulu Langat sehingga bekalan pu-lih sepenuhnya.

"Siasatan bagi menge-nal pasti punca pencemaran masih dijalankan dan ia dilakukan secara ber-terusan sehingga ia dapat diselesaikan secara me-nyeluruh," katanya.

Status mengenai pemulihan bekalan air di beberapa kawasan lain yang terganggu boleh di-perolehi melalui aplikasi telefon bimbit pintar mySYABAS atau melayari laman web www.sya-bas.com.my.

Headline	Selangor penyumbang terbesar KDNK		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	04 Oct 2016	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	1,270,667
Page No	45	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	124 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,866
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,598



## Selangor penyumbang terbesar KDNK

**Kuala Lumpur:** Selangor menyumbang 22.6 peratus kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara pada 2015 menjadikannya negeri penyumbang terbesar kepada ekonomi.

Jabatan Perangkaan Malaysia berkata, ini diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) dengan sumbangan sebanyak 15.1 peratus, Sarawak (10.0 peratus), Johor (9.3 peratus), Sabah (6.6 peratus) dan Pulau Pinang (6.6 peratus).

"Negeri-negeri berkena-

an menyumbang 70.2 peratus kepada ekonomi nasional," katanya.

Sebanyak sembilan negeri berkembang pada kadar lebih laju daripada paras nasional pada tahun lalu didahului oleh Wilayah Persekutuan Labuan (WP Labuan) dengan 6.9 peratus, Sabah (6.1 peratus), Perak (5.9 peratus), Selangor (5.7 peratus), Johor (5.6 peratus), Kedah (5.6 peratus), Pulau Pinang (5.5 peratus), Melaka (5.5 peratus) dan WPKL (5.3 peratus).

Bagaimanapun, enam

negeri iaitu Pahang, Negeri Sembilan, Sarawak, Kelantan, Terengganu dan Perlis mencatatkan pertumbuhan di bawah paras nasional.

Prestasi mengikut sektor jabatan itu berkata, sektor perkhidmatan di Malaysia didominasi oleh Selangor dan WPKL dengan jumlah sumbangan sebanyak 49.9 peratus. Aktiviti borong dan runcit adalah peneraju kepada sektor perkhidmatan bagi semua negeri kecuali Perak, Terengganu dan WP Labuan.

Mengenai pembuatan,

Selangor adalah penyumbang terbesar dengan sumbangan 28.9 peratus, diikuti oleh Pulau Pinang dan Johor dengan masing-masing menyumbang 12.8 peratus dan 12.4 peratus.

Sektor pembuatan di Malaysia berkembang sebanyak 4.9 peratus, disokong oleh subsektor elektrik dan elektronik di Selangor, Pulau Pinang dan Johor, selain prestasi menggalakkan bagi produk kimia dan bahan kimia dicatatkan di Terengganu, Selangor dan Pahang.

- BERNAMA

## VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Economy (Gross Domestic Product (GDP))	3	0	RM 0

## GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	Fokus tiga segmen utama		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	04 Oct 2016	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	1,270,667
Page No	44	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	78 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,073
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,218



## Fokus tiga segmen utama

Invest Selangor Berhad (Invest Selangor) akan memberikan fokus kepada tiga segmen utama iaitu perdagangan elektronik (e-commerce), sains hayat dan produk serta perkhidmatan halal sempena penganjuran Ekspo Pelaburan Selangor 2016 pada 20 hingga 22 Oktober ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Hasan Azhari Idris berkata, fokus dan penganjuran ekspo terbabit diharap dapat membantu mempromosi negeri Selangor di peringkat antarabangsa selain sebagai hab perdagangan serantau.

Menurutnya, penyertaan yang diterima bagi ekspo itu kali ini memberangsangkan dengan 80 peratus daripada

ruang pemamer sudah ditempah di mana 101 daripada diisi pemamer antarabangsa dari Taiwan, China dan Hong Kong manakala selebihnya peserta tempatan.

“Kami menyasarkan mewujudkan sehingga 700 ruang pemamer bagi ekspo ini yang dianjurkan buat kali kedua selepas penganjuran pertama tahun lalu,” katanya, di sini.

Tahun lalu, Ekspo Pelaburan Selangor dianjurkan pada November di mana 400 ruang pemamer disediakan dengan 182 ruang pemamer diisi peserta antarabangsa manakala selebihnya peserta tempatan dengan tidak memberi fokus kepada sebarang industri tertentu.

## VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Invest Selangor Berhad (Invest Selangor Berhad)	2	0	RM 0

## GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	Mandi kerbau 10 hari		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	04 Oct 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	15	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	228 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,947
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,841



**Semenyih:** "Kami 10 ber-anak mandi kerbau selama 10 hari. Kami terpaksa hadkan penggunaan air kerana banyak lagi per-kara mahu dilakukan yang membabitkan air," kata K Arulkumar, 54, su-sulan kawasan kediaman-nya mengalami gangguan bekalan air.

Menurut Arulkumar, penduduk di taman pe-rumahan di Bandar Sun-way Semenyih sudah me-njalami masalah bekalan air sejak sepuluh hari lalu dan terpaksa bergantung bekalan daripada lori tangki yang membuat ki-taran di kawasan itu.

"Dua hari sebelum ada lori tangki kami langsung tidak mandi dan terpaksa membeli air mineral un-tuk minum."

"Bagi keperluan lain se-perti . membasuh, kami ambil air dari paip rumah rakan dan saudara ber-dekatan yang tidak me-njalami gangguan.

"Selepas ada perkhid-matan lori tangki barulah sedikit lega, tetapi perlu hadkan juga penggunaan kerana isi rumah saya ra-mai. Kami mandi pun dua hingga empat jirusan sa-já," katanya yang tinggal bersama bersama isteri, ibu dan bapa mentua serta enam anak.

Katanya, masalah itu juga menyebabkan dia

## Mandi kerbau 10 hari



PENDUDUK yang keputusan air mengambil bekalan dari sebuah bukit berdekatan Lebuhraya SILK menghala Semenyih, semalam.

terpaksa mengeluarkan perbelanjaan untuk membeli tempayan, baldi dan besen untuk dijadikan tempat simpanan air yang diambil dari lori tangki.

"Selain membeli perka-kasan simpanan air dan bekalan air mineral, pa-kaian juga terpaksa dicuci di kedai dobi.

"Ada saudara yang me-ngajak tinggal bersama buat sementara waktu te-tapi dalam keadaan bila-nigan kami yang ramai, biarlah kami bertahan se-hingga masalah selesai," katanya kepada Harian

Metro, semalam.

Surirumah, Nur Azimah Sidek, 46, berkata, selain bergantung kepada beka-lan air dari lori tangki, dia sekeluarga turut me-ngambil bekalan air di ka-ki bukit di lebuh raya ber-dekatan.

Katanya, ramai jiran yang mengajak mereka sekeluarga untuk me-ngambil bekalan air di sana kerana airnya di-percaya tidak tercemar dan selamat untuk dimi-num.

"Kebetulan rumah anak saya yang sudah berumah

tangga berada di kawasan itu dan kami sering sing-gah untuk menumpang mandi.

"Tetapi sejak tiga hari ini lori tangki lebih kerap melalui kawasan peruma-han siang dan malam. Jadi bekalan air kami sentiasa bersilih ganti," katanya ketika ditemui di Bandar Sunway Semenyih, sema-lam.

Menurutnya, gangguan bekalan air kali ini adalah yang paling lama berban-ding sebelum ini yang ha-nya ketiadaan air selama lima hari.

## VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Minerals and Geoscience Department (Minerals and Geoscience	2	0	RM 0
Sistem Lingkaran-Lebuhraya Kajang Sdn Bhd (SILK) (Kajang SILK	1	0	RM 0
Sistem Lingkaran-Lebuhraya Kajang Sdn Bhd (SILK) (Sistem	2	0	RM 0
Sunway Berhad (Sunway City Bhd)	2	0	RM 0
Sunway Group (Sunway Resort City)	2	0	RM 0

## GIST(ENGLISH)

N/A

## ‘Kalaualah dapat kerusi roda berbateri...’

**Shah Alam:** “Saya hanya mahu Aina mampu untuk berdikari,” kata Razali Shahran, 49, bapa Nuraina Syafiqah Razali, 19, yang menghidap Cerebral Palsy sejak lahir.

Sehubungan itu, Razali berhasrat menghantar anak perempuan sulungnya itu ke Pusat Sinar Harapan di Cheras, tetapi impian itu terbatas kerana dia tidak mampu membeli kerusi roda berkuasa bateri bagi mengantikan kerusi roda lama yang sudah uzur.

“Kerusi roda lama sudah-

